

**KAEDAH GABUNGAN (MIXED METHODS) DALAM KAJIAN PEMBASMIAN  
KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA:  
PENGALAMAN PENYELIDIKAN**

**Mohamad Zahir Zainudin<sup>1</sup>, Roziah Omar<sup>2</sup>, Mohd Fauzi Kamarudin<sup>1</sup>**

<sup>1,3</sup>Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Putrajaya, Malaysia.

Emel: mzahir@utem.edu.my, mohdfaizi@utem.edu.my

**ABSTRAK**

*Tujuan utama artikel ini ialah berkongsi pengalaman penyelidikan yang dilakukan semasa penulis melengkapkan kajian perbandingan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia menggunakan kaedah gabungan (mixed methods). Penulis telah berkongsi tentang kenapa dan bagaimana mengguna pakai kaedah ini untuk melengkapkan kajian. Penulis juga membentangkan dua pembelajaran dalam artikel ini iaitu mengurus metodologi kajian dan pendekatan penyelidikan. Penulis juga berkongsi pengalaman cabaran dan masalah seperti kekangan masa dan kekurangan pengalaman untuk makluman kepada pengkaji-pengkaji akan datang. Langkah-langkah atau kaedah yang diketengahkan dalam artikel ini dapat diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik yang berminat menggunakan kaedah gabungan ini. Ia juga dapat membantu para penyelidik muda membuat pilihan kaedah penyelidikan yang lebih berkesan bagi menjawab persoalan kajian yang sedang dilakukan.*

**KATA KUNCI:** *kaedah gabungan, pembasmian kemiskinan, kajian perbandingan*

**ABSTRACTS**

*The main purpose of this article is to share a research experience on the implementation of poverty eradication programme in Malaysia and Indonesia using mixed methods. The authors have shared about why and how to apply this method to complete the research. The author also presents two learning experiences in this article which are managing methodology review and research approach. The authors also shared an experience on the challenges and problems for the benefit of next researchers in the future. The ideas featured in this article can be applied by researchers who are interested in using this method. It can also help the young researchers making the most effective research method to answer their research questions.*

**KEYWORDS:** *mixed methods, poverty eradication, comparative study*

## **1.0 PENGENALAN**

Bagi sesetengah penyelidik, paradigma penyelidikan merupakan satu bentuk model pemikiran untuk menjadi panduan penyelidikan mereka, namun kepada sesetengah penyelidik yang lain, paradigma ini dianggap sebagai gagasan yang telah stabil dengan sokongan andaian, konsep dan pelbagai saranan (Morgan, 2007; Greene & Caracelli, 1997) sehingga menguasai perbahasan kaedah-kaedah penyelidikan (Bryman, 1984). Tahun-tahun 1970-an, positivisme mendapat perhatian sebagai pendekatan paling utama bagi menentukan pengesahsahihan sesuatu penyelidikan seperti menjadikan kaedah kuantitatif sebagai tanda aras dalam kajian pendidikan (Howe; 2009, 1992).

Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 1980-an, era kegemilangan penyelidikan kualitatif semakin kukuh apabila paradigma gagasan-tafsiran berakar umbi dalam beberapa bidang pengajian termasuk pendidikan (Ridenour & Newman, 2008; Denzin & Lincoln, 2005) sehingga menyebabkan wujud pertentangan terhadap konsep kuantitatif. Kelompok ini berhujah dengan menolak kepelbagaiannya realiti dan turut enggan menerima kemungkinan-kemungkinan wujudnya pertalian antara maklumat dengan orang yang bermaklumat (Onwuegbuzie, 2002).

Pada masa yang sama, di bidang kualitatif, telah muncul penyokong epistemologikal seperti teori kritikal dan feminism (Denzin & Lincoln, 2007). Bagaimanapun, pangkal kepada konflik yang berpanjangan ini adalah munculnya pejuang paradigma penyelidikan yang lantang berhujah tentang keunggulan satu-satu kaedah mengatasi kaedah yang lain dan ketidakseriasian pendekatan-pendekatan yang berbeza ini (Johnson & Onwuegbuzie, 2004). Berdasarkan kepada pelbagai bentuk pemikiran dan pendapat, ada pihak yang berpandangan bahawa penyelidik perlu bersifat pragmatik apabila berhadapan dengan perbezaan pendekatan ini. Seterusnya muncul persoalan tentang kelebihan dan cabaran kaedah gabungan ini (Morgan, 2007). Di samping itu, terdapat peningkatan minat dalam bidang penyelidikan kaedah gabungan ini dalam membincangkan teori, reka bentuk kajian dan penilaian kritikal (Shema & Woodman, 2013).

## **2.0 RASIONAL PENGGUNAAN KAEADAH GABUNGAN**

Kaedah gabungan atau *mixed methods* merujuk kepada metodologi kajian yang muncul dalam kajian bersistematik yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif melalui penyelidikan atau mahu mengekalkan program penyelidikan sedia ada. Asas kepada kenyataan ini adalah kaedah gabungan merupakan integrasi dan sinergi penggunaan data yang lebih lengkap berbanding memisahkan data dan membuat analisis secara berasingan.

Kaedah gabungan bermula dalam bidang sains sosial dan telah berkembang dalam pelbagai bidang seperti sains perubatan dan kesihatan (Wisdom & Creswell, 2013). Pada dekad lalu, prosedur kajian ini telah dikembangkan dan diperhalusi untuk memenuhi keperluan berbagai-bagi jenis persoalan kajian (Creswell & Plano Clark, 2011; De Lisle, 2011). Prosedur ini termasuk menambahkan ketepatan kaedah kajian di samping menawarkan pelbagai pilihan reka bentuk kaedah gabungan, memperkenalkan sistem catatan ringkas (memoing) yang lebih sistematik bagi menerangkan reka bentuk yang dipilih untuk menggalakkan komunikasi antara bidang, menggunakan rajah, mencatat persoalan kajian yang dapat memberi kelebihan dalam kaedah gabungan dan memberikan alasan kukuh bagi melaksanakan sesuatu kajian. Justeru, dalam kajian pembangunan sosial terhadap pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia yang menggunakan kaedah gabungan, kajian ini memberi peluang kepada pengkaji

untuk melihat keberkesanan kaedah ini sebagai penyumbang kepada keputusan terbaik bagi mengetahui impak program pembasmian kemiskinan di kedua-dua negara.

Terdapat beberapa alasan kenapa pengkaji menggunakan kaedah gabungan dalam penyelidikan ini. Senarai berikut merupakan alasan umum pemilihan kaedah gabungan bagi menjawab persoalan kajian dalam program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia.

- i. Saling melengkap: menggunakan data yang diperolehi dengan satu-satu kaedah untuk menyokong dapatan kaedah lain. Semasa kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual semi struktur dengan kumpulan fokus membolehkan penerokaan terhadap cabaran-cabaran yang dikenal pasti bagi melengkapkan data kuantitatif.
- ii. Pembangunan: menggunakan hasil dapatan daripada sesuatu kaedah untuk membangunkan atau memaklumkan kegunaan kaedah-kaedah lain. Kumpulan fokus yang dikaji mendapati kursus-kursus keusahawanan dapat memberi motivasi dalam diri mereka untuk gigih berusaha mengubah keadaan keluarga. Melalui dapatan ini, kerajaan boleh memberi tumpuan kepada modul pembangunan sikap responden supaya merasai keinginan untuk berubah daripada keadaan sedia ada.
- iii. Idea baru: menggunakan hasil dapatan daripada kaedah berbeza khususnya bagi melihat aspek yang tidak selari dengan jangkaan dapatan kajian. Kajian perbandingan dilakukan oleh pengkaji mendapati responden di Malaysia lebih banyak bergantung kepada usaha dan inisiatif kerajaan untuk melakukan transformasi hidup mereka manakala di Indonesia responden menggunakan konsep pembangunan komuniti yang mana komuniti sendiri yang banyak mengerakkan perubahan mereka berbanding usaha daripada kerajaan.
- iv. Triangulasi: menggunakan data yang diperolehi daripada kedua-dua kaedah untuk menyokong hasil dapatan. Contohnya dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan kajian kes untuk mengetahui impak program pembasmian kemiskinan dan menganalisis dokumentasi laporan kendiri untuk memantapkan hasil dapatan data kualitatif seperti tahap kesejahteraan responden sebelum dan selepas menyertai program tersebut.

Senarai ini menunjukkan pengkaji mengakui bahawa kekuatan kaedah kuantitatif dalam membuat dapatan umum malah memberi ruang kepada pandangan responden dalam menyatakan pandangan mereka terhadap keberkesanan program pembasmian kemiskinan. Selain itu, kaedah kuantitatif yang dilaksanakan juga membantu penyelidik untuk mendapatkan data daripada jumlah responden yang ramai walaupun terdapat kekangan kewangan, jarak dan masa. Biar apapun alasan yang diberikan untuk kaedah gabungan ini, pengkaji melihat kesesuaian menjawab persoalan kajian menggunakan kajian bentuk ini telah dinyatakan secara jelas.

## **2.1 Kelebihan Kaedah Gabungan**

Asas andaian kaedah gabungan ialah kaedah ini boleh menjadikan persoalan kajian lebih komprehensif berbanding menggunakan hanya satu kaedah kajian sama ada kuantitatif atau kualitatif (Creswell & Plano Clark, 2007). Persoalan-persoalan yang diajukan melalui kaedah gabungan ini cenderung lebih terbuka dan kompleks dengan pelbagai aspek yang mana setiap satunya dapat dikaji secara lebih baik melalui kaedah kuantitatif atau kualitatif (Shema & Woodman, 2013).

Kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif memberi beberapa kelebihan seperti dapat membandingkan data kuantitatif dengan kualitatif khususnya untuk memahami pertentangan antara hasil dapatan kedua-dua kaedah kajian ini, memberi gambaran terhadap pandangan responden iaitu pengkaji mendapat peluang untuk memahami responden dan memastikan hasil dapatan adalah pengalaman mereka sendiri dan menggalakkan interaksi ilmiah iaitu pengkaji dapat bertemu dengan pakar bidang pembangunan sosial bagi mengetahui pandangan mereka terhadap isu-isu yang dibincangkan (Kamarudin *et al.*, 2014).

Memahami dapatan kajian melalui pengalaman dan pandangan responden menjadikan data kajian lebih kaya (*rich*) dan bermakna (*depth in meaning*). Menurut Gunter (2001), memahami makna-makna yang tersirat dan tersurat serta pengalaman membolehkan sesuatu fenomena difahami dan dikonseptualkan. Seterusnya kaedah gabungan ini dapat menyediakan keanjalan (*flexible*) dalam mengatur dan menyusun perjalanan kajian seperti menyediakan instrumen atau merancang temu bual semi struktur. Kaedah gabungan memberi ruang kepada pengkaji untuk menguruskan masa kajian yang boleh disesuaikan dengan pelbagai tugas seperti membuat pemerhatian dan percubaan secara rambang untuk menjelaskan lebih banyak maklumat berbanding yang boleh diperolehi melalui satu kaedah sahaja.

Di samping itu, kaedah gabungan sangat kaya dengan pelbagai data. Kekayaan data ini mencerminkan kesungguhan dan kreativiti pengkaji mengumpul data dengan menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data melalui soal selidik dan temu bual dilaksanakan serentak bagi menjimatkan kos, namun selepas kajian, data-data yang telah dikumpulkan itu dianalisis dari pelbagai perspektif supaya menepati objektif kajian. Biarpun data untuk kajian telah diperolehi, masih banyak data sampingan yang belum dianalisis yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain.

### **3.0 PENGUNAAN KAEDAH GABUNGAN DALAM KAJIAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

Bahagian yang paling sukar dan mencabar dalam kajian ini ialah mengintegrasikan data kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan yang pengkaji gunakan adalah menganalisis dua jenis data secara berasingan. Pada peringkat kedua proses analisis data, pengkaji membuat perbandingan, penilaian dan menggabungkan kedua-dua hasil dapatan dalam satu bab. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik yang serasi dengan kaedah kedua-duanya seperti menggunakan analisis statistik untuk tinjauan dan analisis tema untuk temu bual. Pendekatan ini bagi memastikan integriti data dapat dikekalkan dan pada masa yang sama meningkatkan kefahaman terhadap hasil analisis kedua-dua data dan set hasil kajian.


Kaedah gabungan boleh menjadi teknik yang ideal untuk menilai intervensi yang kompleks dalam kajian perbandingan. Kegunaan kaedah gabungan adalah seperti berikut:

1. Pengesahsahihan hasil dapatan menggunakan sumber data kuantitatif dan kualitatif


Pengkaji menggunakan reka bentuk konvergen untuk membandingkan hasil dapatan daripada kuantitatif dan kualitatif. Proses ini melibatkan pengumpulan kedua-dua jenis data secara serentak dengan menggunakan gagasan selari untuk kedua-dua data, mengasingkan analisis dan membandingkan keputusan melalui prosedur tertentu seperti perbandingan sebelah-menyebelah (*concurrent designs*) ketika membuat perbincangan, memindahkan set data kualitatif kepada skala kuantitatif atau menggabungkan data. Ketika kajian ini, pengkaji mengumpulkan data kuantitatif secara tinjauan untuk mengetahui profil responden manakala

bagi data kualitatif pula, pengkaji menggunakan temu bual semi struktur, kumpulan fokus dan pemerhatian untuk mengetahui pengalaman responden di Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua data yang diperolehi ini dapat mengesahsahkan data dan menjadi asas yang kukuh untuk membuat kesimpulan terhadap impak program pembangunan sosial di kedua-dua negara.

## Sequential designs



## Concurrent designs



Rajah 1: Ilustrasi aplikasi kaedah gabungan  
(Creswell & Plano Clark, 2011)

## 2. Membangunkan instrumen soal selidik

Kaedah gabungan boleh menyokong pembentukan instrumen kuantitatif yang sesuai dan tepat. Reka bentuk penerokaan berurutan (*exploratory sequential design*) melibatkan beberapa peringkat. Pertama, mengumpul data kualitatif, menganalisis maklumat dan menggunakan hasil dapatan berdasarkan tema-tema (*themes*) untuk membina soal selidik yang disesuaikan dengan sampel kajian. Instrumen ini kemudiannya diedarkan kepada sampel kajian. Contohnya, kajian ini bermula dengan temu bual untuk meneroka latar belakang perniagaan responden. Dari sini, instrumen dibangunkan melalui prosedur pembangunan skala yang diuji kepada sampel untuk menguji instrumen soal selidik yang dapat menambah baik dapatan kajian.

### LANGKAH 1

#### Merangka Informasi Kuantitatif

- membentuk persoalan kajian
- kenal pasti pendekatan

#### Kumpul Data Kuantitatif

- dapatkan kebenaran membuat kajian
- kenal pasti sampel
- kutip data menggunakan instrumen

DAN

#### Merangka Informasi Kualitatif

- membentuk persoalan kajian
- kenal pasti pendekatan

#### Kumpul Data Kualitatif

- dapatkan kebenaran membuat kajian
- kenal pasti sampel
- kutip data menggunakan protokol

### LANGKAH 2

#### Analisis Data Kuantitatif

- analisis data menggunakan kaedah deskriptif

DAN

#### Analisis Data Kualitatif

- analisis data menggunakan prosedur pembangunan tema yang bersesuaian dengan pendekatan kualitatif

### LANGKAH 3

#### Strategi Menggabungkan Dua Set Dapatkan

- kenal pasti isu yang mewakili kedua-dua set data dan membuat perbandingan persamaan, perbezaan dan/atau sintesis dapatan dalam bentuk perbincangan atau jadual.
- susun perbezaan yang wujud dalam kedua-dua set dapatan.
- bina prosedur untuk memindahkan satu bentuk data ke bentuk data yang lain (seperti analisis statistik memasukkan tema-tema yang diperolehi).

### LANGKAH 4

#### Interpretasi Dapatkan

- ringkaskan dan interpret dapatan secara berasingan.
- bincangkan bagaimana kedua-dua set data dapat dikumpulkan, dipisahkan, dikaitkan dan/atau menghasilkan bentuk kefahaman yang mendalam.

Rajah 2: Prosedur pelaksanaan proses kutipan data

### 3. Menggunakan data kualitatif untuk mengukuhkan hasil dapatan kuantitatif

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul dan menganalisis kedua-dua bentuk data. Contohnya, data statistik yang diperolehi lebih awal telah dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk deskriptif. Data temu bual yang dianalisis mengikut tema disusun semula berdasarkan analisis statistik dapat mengukuhkan kefahaman pengkaji terhadap pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia. Pengalaman pengkaji menunjukkan data kualitatif boleh digabungkan bersama data kuantitatif untuk analisis kajian berdasarkan tema-tema kajian yang selari.

## **4.0 CABARAN PELAKSANAAN KADEAH GABUNGAN DALAM KAJIAN PERBANDINGAN**

Pengalaman menjalankan kaedah gabungan untuk melengkapkan kajian dalam pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia membolehkan pengkaji berkongsi cabaran dan masalah yang dihadapi. Walaupun kaedah gabungan dianggap memiliki kekuatan sebagai sebuah pendekatan dalam mana-mana kajian, pengkaji berhadapan dengan tiga cabaran besar.

Pertama, menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dilihat sebagai bermasalah kerana kedua-dua bentuk kajian ini mempunyai kerangka penyelidikan sendiri. Hasil dapatan mungkin menambahkan beban masalah sedia ada berbanding menyelesaikan masalah. Dalam kajian yang dilakukan, salah satu ulasan pemeriksa ialah beliau cenderung kepada kaedah menganalisis data secara sebelah-menyebelah, bukannya dibuat analisis dapatan kuantitatif dahulu diikuti dapatan kualitatif.

Kehadiran ini mewujudkan cabaran kedua iaitu kekangan masa dan kekurangan pengalaman. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian yang dihasilkan kaya dengan data kuantitatif dan kualitatif, justeru ia mengambil masa untuk dianalisis. Kekurangan pengalaman menyebabkan data kuantitatif tidak dapat ditafsir dengan meluas dan data kualitatif tidak banyak membantu membuat kesimpulan yang lebih menyeluruh.

Cabarans ketiga ialah sukar membuat integrasi data yang tulen kerana penggunaan jenis data yang berbeza. Satu cara untuk mendapatkan integrasi data yang tulen ialah melalui strategi pelbagai analisis yang melibatkan pemikiran inovatif untuk mengolah perbezaan data di samping memberi makna terhadap integrasi data berkenaan. Integrasi data yang kurang tepat menjaskan kekuatan kesimpulan kajian.

## **5.0 KESIMPULAN**

Kajian yang menggunakan kaedah gabungan ini memerlukan pertimbangan yang betul supaya hasil dapatan kajian akan memberikan keputusan yang jelas, menyeluruh dan praktikal supaya kita boleh berkongsi hasil kajian bersama penyelidik-penyelidik yang lain dan juga menjadi sumber idea baru kepada bakal-bakal penyelidik yang akan melakukan penyelidikan mereka. Bagi pelajar di peringkat sarjana atau kedoktoran yang membuat keputusan untuk menggunakan kaedah gabungan ini, mereka perlu berhati-hati apabila menggunakan pendekatan ini kerana bakal berhadapan cabaran besar khususnya dari segi integrasi data dan kekangan masa. Kajian yang menggunakan kaedah gabungan ini walaupun nampaknya memberikan keputusan yang lebih baik berbanding dengan satu-satu kajian, tetapi kita harus mengambil kira bahawa kaedah ini adalah kaedah pilihan yang boleh digunakan secara bersama dengan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian-kajian yang melibatkan proses

atau jangka masa panjang, kaedah gabungan ini dirasakan sesuai untuk mereka lakukan dan akan memberikan keputusan yang lebih signifikan terhadap persoalan kajian yang ditimbulkan.

## PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka khususnya Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta kumpulan penyelidikan di bawah Centre of Technopreneurship Development (C-TED) iaitu Strategic Innovative Resources for Human Development (SIR-HD) yang memberi kerjasama bagi menjayakan kertas kerja ini.

## RUJUKAN

- Bryman, A. (1984). The debate about quantitative and qualitative research: A question of method or epistemology? *British Journal of Sociology*, 35(1), 75– 92.
- Creswell, J. W & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research*. (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Creswell, J. W & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. London, UK: Sage Publications Ltd.
- De Lisle, J. (2011). The benefits and challenges of mixing methods and methodologies: Lessons learnt from implementing qualitatively led mixed methods research designs in Trinidad and Tobago. *Caribbean Curriculum*, 18, 87–120.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S (2007). *Strategies of qualitative inquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (2005). *The Sage handbook of qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Greene, J. C. & Caracelli, V. J. (1997). Defining and describing the paradigm issue in mixed-method evaluation. In J. C. Greene & V. J. Caracelli (Eds.), *Advances in mixed-method evaluation: The challenges and benefits of integrating diverse paradigms* (pp. 5–18). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Gunter, H. (2001). *Leaders and leadership in education*. London, UK: Paul Chapman.
- Howe, K. R. (2009). Positivist dogmas, rhetoric, and the education science question. *Educational Researcher*, 38(6), 428–440.
- Howe, K. R. (1992). Getting over the quantitative-qualitative debate. *American Journal of Education*, 100(2), 236–256.
- Johnson, R. B. & Onwuegbuzie, A. J. (2004). Mixed methods research: A research paradigm whose time has come. *Educational Researcher*, 33(7), 14– 26.

- Kamarudin, M. F., Starr, K., Abdullah, A. N., & Husain, K. (2014). Communicating change in organizational restructuring: A grounded theory case study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155, 496-501.
- Mertens, D.M. (2009). *Transformative research and evaluation*. New York, USA: Guilford.
- Morgan, D. L. (2007). Paradigms lost and pragmatism regained: Methodological implications of combining qualitative and quantitative methods. *Journal of Mixed Methods Research*, 1(1), 48–76.
- Onwuegbuzie, A. J. (2002). Positivists, post-positivists, post-structuralists, and post-modernists: Why can't we all get along? Towards a framework for unifying research paradigms. *Education*, 122(3), 518–530.
- Ridenour, C. S. & Newman, I. (2008). *Mixed methods research: Exploring the interactive continuum*. Carbondale, IL: Southern Illinois University Press.
- Shema Tariq & Woodman, J. (2013). Using mixed methods in health research. *Journal of the Royal Society and Medicine*, 4(6), diakses dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3697857/>. Doi: 10.1177/204253313479197.
- Wisdom, J. & Creswell, J.W. (2013). *Mixed methods: Integrating quantitative and qualitative data collection and analysis while studying patient-centered medical home models*. Diakses dari [https://www.pcmh.ahrq.gov/sites/default/files/attachments/MixedMethods\\_032513comp.pdf](https://www.pcmh.ahrq.gov/sites/default/files/attachments/MixedMethods_032513comp.pdf).